

18 JUL 2000

PEMBANGKANG AJAK DR MAHATHIR BINCANG IMPLIKASI INSIDEN SAUK

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin pembangkang hari ini menyerahkan surat undangan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengadakan perbincangan mengenai implikasi peristiwa Sauk terhadap masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor berkata surat yang ditandatangani oleh pemimpin kanan empat parti yang menganggotai Barisan Alternatif telah diserahkan kepada wakil Dr Mahathir.

Beliau memberitahu pemberita di lobi Parlimen bahawa parti-parti pembangkang berharap perbincangan itu akan turut dihadiri oleh semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Fadzil berkata pihak pembangkang membuat keputusan menganjurkan majlis perbincangan itu kerana tragedi di Sauk adalah isu negara yang bersifat nasional dan merentasi politik kepartian.

Pada 2 Julai lepas sekumpulan 15 anggota kumpulan ajaran sesat Al-Ma'unah yang menyamar sebagai pegawai dan anggota tentera telah melarikan lebih 100 senjata dan beribu-ribu peluru dari dua kem di Gerik, Perak.

Kumpulan itu kemudian bersama 13 anggota lain telah berkubu di Bukit Jenalek di Sauk, sebelum menyerah diri kepada pasukan keselamatan lima hari kemudian. Semasa dikepung di situ, dua anggota pasukan keselamatan yang mereka tawan telah dibunuh.

--BERNAMA

NY MAI